

26/05/1999

Cetak rompakancam MSC

KERAJAAN Malaysia bergabung tenaga dengan industri perisian komputer dan hiburan bagi mengatasi masalah cetak rompak yang berleluasa dan mungkin mengganggu rancangan zon teknologi utama.

Lee Tse Mei, naib presiden Business Software Alliance (BSA), berkata capaian mudah kepada perisian cetak rompak boleh menjadi penghalang kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kita bercakap mengenai MSC dan pembangunan teknologi maklumat (IT) tetapi ia tidak akan berlaku," katanya.

"Keseluruhan industri tempatan tidak berpeluang berkembang kerana lanun cetak rompak menanti di sana," katanya.

Projek MSC dalam zon teknologi dengan keluasan 15 km x 50 km di selatan ibu negara dibangunkan khusus bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Ketua setiausaha Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, Pahamin Rajab, yang juga pengerusi pasukan petugas khas bagi menangani masalah cetak rompak, berkata kerajaan risau mengenai kegiatan cetak rompak yang berleluasa mungkin menakutkan pelabur.

"Kerisauan ialah bila syarikat mula mengeluarkan produk, dan jika terdapat cetak rompak, ia akan menghalang pelaburan masa depan atau mereka melabur di tempat lain," katanya kepada pemberita minggu lalu.

Pasukan petugas itu dianggotai wakil daripada industri perfileman, muzik, dan perisian serta agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas sektor itu.

Multimedia Development Corp, yang bertanggungjawab dalam pembangunan MSC, juga ahli dalam pasukan itu.

Purata kadar cetak rompak dalam perniagaan di Malaysia di mana produk cetak rompak dijual secara terbuka, adalah 80 peratus pada 1996 dengan nilai pasaran RM303.8 juta.

Kadar yang digunakan bagi mengukur perisian cetak rompak berbanding pasaran perisian asli menurun 10 peratus mata pada 1997, penurunan yang besar berdasarkan standard BSA, kata Lee.

Tetapi menurutnya, permintaan untuk perisian cetak rompak meningkat tahun lalu disebabkan kegawatan ekonomi.

Usaha pelbagai agensi disokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mula mengambil tindakan kegiatan cetak rompak mula menunjukkan kesan.

Pasukan petugas merampas sejumlah tajuk bernilai RM575,000 dalam serbuan di seluruh negara baru-baru ini dengan janji hukuman kepada mereka yang terbabit.

Pesalah cetak rompak mungkin dipenjara sehingga lima tahun dan denda RM10,000 untuk setiap salinan perisian cetak rompak yang digunakan.

Tetapi menurut Lee, pasukan petugas hanya mampu melakukan sebaik mungkin.

"Jika anda fikir anda tidak mahu membayar untuk sesuatu jika anda boleh mendapatkannya secara percuma dan itu ialah teras masalah.

"Ia persoalan mengenai perubahan pemikiran," katanya.

(END)